



CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PANDUAN

- 1. PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN OLEH KEMUDAHAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA**
- 2. PERKHIDMATAN AMALAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI SWASTA**
- 3. PERKHIDMATAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN KESIHATAN BERSEKUTU SWASTA**

(Versi 3)

Diterbitkan oleh :

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Bahagian Cukai Dalam Negeri

Putrajaya

1 MAC 2026

Penerbitan

Tarikh: 1 Mac 2026

Panduan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan oleh Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta, Perkhidmatan Amalan Perubatan Tradisional dan Komplementari Swasta dan Perkhidmatan yang Berhubungan dengan Kesihatan Bersekutu Swasta pada 1 Julai 2025 ditarik balik dan digantikan dengan panduan versi 3 yang disemak semula pada 1 Mac 2026.

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2026 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hakcipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah perundangan Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENGENALAN	6
PENGENAAN DAN SKOP CUKAI	7
PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN OLEH KEMUDAHAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA.....	7
TERMINOLOGI.....	7
OPERASI INDUSTRI SECARA UMUM	10
Skop Perkhidmatan Jagaan Kesihatan	10
LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN	10
Orang Kena Cukai.....	10
Nilai Ambang Perkhidmatan Bercukai	11
Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai.....	12
Contoh Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai	13
Perkhidmatan Bercukai Berhubung Kawasan Ditetapkan	18
Perkhidmatan Bercukai Berhubung Kawasan Khas	19
Perkhidmatan Tidak Bercukai.....	19
Pengecualian Daripada Membayar Cukai Perkhidmatan	20
PERKHIDMATAN AMALAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI SWASTA	21
TERMINOLOGI.....	21
OPERASI INDUSTRI SECARA UMUM	21
Skop Perkhidmatan Amalan Perubatan Tradisional Dan Komplementari Swasta	21
LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN AMALAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI SWASTA	21
Orang Kena Cukai.....	21

Nilai Ambang Perkhidmatan Bercukai	22
Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai.....	23
Contoh Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai	23
Perkhidmatan Bercukai Berhubung Kawasan Ditetapkan	24
Perkhidmatan Bercukai Berhubung Kawasan Khas	25
Perkhidmatan Tidak Bercukai.....	25
Pengecualian Daripada Membayar Cukai Perkhidmatan	25
PERKHIDMATAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN KESIHATAN	
BERSEKUTU SWASTA	26
TERMINOLOGI.....	26
OPERASI INDUSTRI SECARA UMUM	27
Skop Yang Berhubungan Dengan Kesihatan Bersekutu Swasta	27
LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN YANG	
BERHUBUNGAN DENGAN KESIHATAN BERSEKUTU SWASTA.....	27
Orang Kena Cukai.....	27
Nilai Ambang Perkhidmatan Bercukai	29
Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai.....	30
Contoh Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai	30
Perkhidmatan Bercukai Berhubung Kawasan Ditetapkan	31
Perkhidmatan Bercukai Berhubung Kawasan Khas	31
Perkhidmatan Tidak Bercukai.....	32
Pengecualian Daripada Membayar Cukai Perkhidmatan	32
MENGAKAUNKAN CUKAI PERKHIDMATAN	32
PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR.....	35
ISU PERALIHAN	36
Perkhidmatan Bercukai Disediakan Sepenuhnya Pada/Selepas Tarikh	

Kuat Kuasa	38
Perkhidmatan Bercukai Diimport Dalam Tempoh Peralihan.....	39
SOALAN-SOALAN LAZIM.....	41
PERTANYAAN	66
BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT MENGENAI SST	66

PENGENALAN

1. Cukai Perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (ACP 2018) dan perundangan subsidiarinya berkuat kuasa pada 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas:
 - i) Mana-mana perkhidmatan bercukai yang diberikan di Malaysia oleh orang berdaftar dalam menjalankan perniagaannya; atau
 - ii) Mana-mana perkhidmatan bercukai diimport (berkuat kuasa 1 Januari 2019).
3. Perkhidmatan bercukai adalah merujuk kepada senarai perkhidmatan ditetapkan di dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
4. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan bercukai melebihi jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan dikehendaki berdaftar di bawah ACP 2018. Orang berdaftar hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan kepada pelanggannya.
5. Panduan ini disediakan untuk membantu pihak industri memahami layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan jagaan kesihatan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta, perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta dan perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta.

PENGENAAN DAN SKOP CUKAI

6. Berkuat kuasa pada 1 Julai 2025, tiga (3) perkhidmatan baharu telah diwartakan di bawah Kumpulan I, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (PPCP) 2018 sebagai perkhidmatan bercukai seperti berikut:

- (i) Perkhidmatan jagaan kesihatan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta;
- (ii) Perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta; atau
- (iii) Perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta.

7. Menteri Kewangan telah menetapkan kadar cukai perkhidmatan bagi ketiga-tiga perkhidmatan bercukai baharu seperti di perenggan 6 dengan kadar cukai 6% berkuat kuasa pada 1 Julai 2025.

PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN OLEH KEMUDAHAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA

TERMINOLOGI

8. Bagi tujuan panduan ini, perkataan-perkataan yang digunakan mempunyai makna seperti berikut:

8.1 “Perkhidmatan jagaan kesihatan” termasuklah—

- (a) perkhidmatan perubatan, pergigian, kejururawatan, perbidanan, kesihatan berkaitan, farmasi, dan ambulans dan apa-apa perkhidmatan lain yang disediakan oleh profesional jagaan kesihatan;
- (b) tempat tinggal bagi maksud apa-apa perkhidmatan yang disediakan di bawah Akta ini;
- (c) apa-apa perkhidmatan untuk memeriksa, mendiagnosis, atau merawat orang yang menghidap atau dipercayai menghidap apa-apa penyakit, kecederaan atau hilang upaya minda atau badan;

- (d) apa-apa perkhidmatan bagi maksud kesihatan pencegahan atau penggalakan;
- (e) apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh mana-mana profesional separa jagaan kesihatan;
- (f) apa-apa perkhidmatan bagi mengubati atau mengurangkan apa-apa keadaan luar biasa tubuh manusia dengan menggunakan apa-apa perkakas, kelengkapan, alat, atau peranti atau apa-apa teknologi perubatan lain; atau
- (g) apa-apa perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan;
(*Seksyen 2, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586]*).

8.2 “Kemudahan jagaan kesihatan swasta” ertinya mana-mana premis, selain kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan atau perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan, seperti hospital, hospis, pusat jagaan ambulatori, rumah jagaan kejururawatan, rumah bersalin, hospital psikiatri, rumah jagaan psikiatri, pusat kesihatan mental masyarakat, pusat hemodialisis, klinik perubatan, klinik pergigian swasta dan apa-apa premis jagaan kesihatan atau yang berhubungan dengan kesihatan lain yang boleh ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam Warta. (*Seksyen 2, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586]*).

8.3 “Penyedia kemudahan jagaan kesihatan swasta” ialah mana-mana orang menyediakan perkhidmatan dan kemudahan jagaan kesihatan swasta kepada penerima perkhidmatan.

8.4 “Profesional jagaan kesihatan” termasuklah pengamal perubatan, pengamal pergigian, ahli farmasi, ahli psikologi klinikal, jururawat, bidan, pembantu perubatan, ahli fisioterapi, ahli terapi pekerjaan dan profesional jagaan kesihatan berkaitan lain dan mana-mana orang lain yang terlibat dalam memberikan perkhidmatan perubatan, kesihatan, pergigian,

farmaseutikal, atau apa-apa perkhidmatan jagaan kesihatan lain yang di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan. (Seksyen 2, *Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586]*).

8.5 “Warganegara” merujuk kepada individu yang mempunyai status warganegara Malaysia dalam dokumen kad pengenalan atau sijil kelahiran yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

8.6 “Bukan warganegara” merujuk kepada individu yang bukan warganegara Malaysia tertentu mengikut undang-undang kewarganegaraan negara Malaysia. Ia juga merujuk kepada mana-mana orang yang mempunyai dokumen pengenalan seperti berikut:

- (a) warganegara asing dengan dokumen pengenalan pasport atau visa;
- (b) pemastautin tetap (PR) dengan dokumen pengenalan MyPR;
- (c) pemastautin sementara dengan dokumen pengenalan MyKAS; atau
- (d) sijil kelahiran bukan warganegara

8.7 “Kawasan ditetapkan” ertinya Labuan, Langkawi, Tioman, Pangkor dan Pulau 1. (*Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018*).

8.8 “Kawasan Khas” ertinya mana-mana zon bebas, gudang berlesen dan gudang pengilangan berlesen, kawasan pembangunan bersama, dan pangkalan bekalan petroleum yang dilesenkan di bawah Seksyen 77B Akta Kastam 1967. (*Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018*).

OPERASI INDUSTRI SECARA UMUM

Skop Perkhidmatan Jagaan Kesihatan

9. Bagi tujuan perluasan skop cukai perkhidmatan, perkhidmatan jagaan kesihatan yang disediakan kepada pesakit bukan warganegara adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN JAGAAAN KESIHATAN

Orang Kena Cukai

10. Berdasarkan ruang (1), butiran 14, Kumpulan I, orang kena cukai adalah merujuk kepada mana-mana orang yang mengendalikan atau menyediakan kemudahan jagaan kesihatan swasta yang berdaftar atau berlesen di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] tidak termasuk:

- (a) Mana-mana universiti atau kolej universiti yang berdaftar di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] atau Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [Akta 173] yang mengendalikan atau menyediakan kemudahan jagaan kesihatan swasta; atau
- (b) Kemudahan jagaan kesihatan swasta yang berikut:
 - (i) Pusat Pakar Universiti Malaya;
 - (ii) Pusat Pakar Universiti Kebangsaan Malaysia;
 - (iii) Pusat Pakar Perubatan Universiti Teknologi MARA; dan
 - (iv) Pusat Pakar Perubatan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

11. Kemudahan jagaan kesihatan swasta yang berdaftar atau berlesen di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] termasuklah perundingan oleh profesional jagaan kesihatan swasta yang menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan kepada bukan warganegara dan telah mencapai jumlah nilai ambang yang ditetapkan adalah bertanggungjawab untuk

berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Antara penyedia perkhidmatan jagaan kesihatan swasta adalah seperti di bawah:

- (a) Hospital swasta;
- (b) Hospital psikiatri swasta;
- (c) Pusat jagaan ambulatori swasta (ACC);
- (d) Rumah jagaan kejururawatan swasta;
- (e) Rumah jagaan kejururawatan psikiatri swasta;
- (f) Rumah bersalin swasta;
- (g) Bank darah swasta;
- (h) Pusat hemodialisis swasta;
- (i) Hospis swasta;
- (j) Pusat kesihatan mental masyarakat swasta;
- (k) Klinik perubatan swasta;
- (l) Klinik pergigian swasta;
- (m) Mana-mana kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta atau perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan lain yang ditentukan oleh Menteri, dari semasa ke semasa, melalui pemberitahuan dalam Warta; dan
- (n) Premis jagaan kesihatan swasta yang menggabungkan mana-mana dua atau lebih daripada dua kemudahan atau perkhidmatan dalam perenggan (a) hingga (m).

12. Doktor profesional yang bekerja melalui lantikan tetap atau lantikan kontrak di kemudahan jagaan kesihatan swasta adalah tidak bertanggungjawab untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

Nilai Ambang Perkhidmatan Bercukai

13. Nilai ambang perkhidmatan bercukai adalah merujuk kepada nilai sebenar semua perkhidmatan jagaan kesihatan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta yang diberikan kepada warganegara dan bukan warganegara.

14. Cukai perkhidmatan menjadi genap masa pada masa pembayaran diterima bagi perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh penyedia kemudahan jagaan

kesihatan swasta. Bagi perkhidmatan bercukai diimport, cukai perkhidmatan menjadi genap masa pada masa pembayaran dibuat atau invoice diterima bagi perkhidmatan itu, mana-mana yang lebih awal.

15. Nilai perkhidmatan bercukai bagi perkhidmatan jagaan kesihatan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta kepada warganegara dan bukan warganegara adalah RM1,500,000 bagi tempoh 12 bulan. Oleh itu, mana-mana kemudahan jagaan kesihatan swasta yang telah mencapai nilai ambang yang ditetapkan adalah wajib untuk memohon sebagai orang berdaftar dan mengenakan cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai

16. Semua jenis perkhidmatan jagaan kesihatan yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan termasuklah perkhidmatan seperti berikut:

- 16.1 Apa-apa perkhidmatan perubatan, pergigian, kejururawatan, perbidanan, kesihatan berkaitan, farmasi dan ambulan yang disediakan oleh profesional jagaan kesihatan;
- 16.2 Tempat tinggal bagi maksud penyediaan perkhidmatan jagaan kesihatan;
- 16.3 Apa-apa perkhidmatan untuk memeriksa, mendiagnosis, atau merawat seseorang yang menginap atau dipercayai menghidap apa-apa penyakit, kecederaan atau hilang upaya minda atau badan;
- 16.4 Apa-apa perkhidmatan bagi maksud kesihatan pencegahan atau penggalakan;
- 16.5 Apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh mana-mana profesional separa jagaan kesihatan;
- 16.6 Apa-apa perkhidmatan bagi mengubati atau mengurangkan apa-apa keadaan luar biasa tubuh manusia dengan menggunakan apa-apa perkakas, kelengkapan, alat, atau peranti atau apa-apa teknologi perubatan lain;

16.7 Apa-apa perkhidmatan makanan yang disediakan kepada pesakit oleh kemudahan jagaan kesihatan yang berdaftar atau berlesen; atau

16.8 Apa-apa perkhidmatan bilik mayat yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan yang berdaftar atau berlesen.

Contoh Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai

17. Contoh perkhidmatan jagaan kesihatan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan adalah seperti berikut:

- (i) Kemudahan jagaan kesihatan swasta berdaftar atau berlesen di bawah Akta 586 yang bertindak sebagai klinik panel kepada syarikat dan menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan kepada syarikat.

Contoh 1

Klinik Swasta A dilantik sebagai klinik panel untuk Syarikat B Sdn Bhd dan menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan kepada kakitangan bukan warganegara yang bekerja di Syarikat B Sdn Bhd. Perkhidmatan jagaan kesihatan yang disediakan oleh Klinik Swasta A kepada kakitangan bukan warganegara di Syarikat B adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kecuali fi perundingan oleh doktor.

- (ii) Perkhidmatan jagaan kesihatan yang disediakan oleh profesional jagaan kesihatan swasta melalui penggajian secara kontrak di kemudahan jagaan kesihatan swasta berdaftar atau berlesen di bawah Akta 586.

Contoh 2

Dr. AC adalah seorang pakar bedah yang berkhidmat di Hospital Swasta AA melibatkan jadual bekerja selama tiga hari dalam seminggu di hospital berkenaan. Bil rawatan kesihatan kepada pesakit bukan warganegara yang dijana oleh Hospital Swasta AA adalah termasuk fi perundingan doktor. Perkhidmatan perundingan yang disediakan oleh Dr. AC kepada pesakit

bukan warganegara adalah dikecualikan daripada pengenaan cukai perkhidmatan.

- (iii) Perkhidmatan kemudahan jagaan kesihatan yang disediakan oleh profesional jagaan kesihatan swasta di kemudahan jagaan kesihatan swasta di rumah kediaman/rumah pesakit.

Contoh 3

Dr. AC merupakan seorang doktor perubatan yang berkhidmat di Hospital Swasta AA. Salah seorang pesakit beliau, Encik DD, merupakan seorang bukan warganegara yang dikehendaki menjalani pemeriksaan susulan secara bulanan memandangkan Encik DD adalah pesakit terlantar. Dr. AC perlu memberikan perkhidmatan perundingan di rumah pesakit tersebut yang terletak di Ampang, Selangor.

Perkhidmatan perundingan yang disediakan oleh Dr. AC di rumah pesakit bukan warganegara tersebut adalah dikecualikan daripada pengenaan cukai perkhidmatan. Walau bagaimanapun, perkhidmatan jagaan kesihatan lain yang disediakan oleh Dr. AC, seperti penyediaan ubat-ubatan dan prosedur rawatan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- (iv) Perkhidmatan kemudahan jagaan kesihatan swasta kepada kemudahan jagaan kesihatan swasta yang lain secara penyumberan luar (*out sourcing*) kepada pesakit bukan warganegara.

Contoh 4

*Cik EE merupakan bukan warganegara dan telah mendapatkan perkhidmatan rawatan penyakit kritikal di Hospital Swasta AA. Walau bagaimanapun, Hospital Swasta AA telah mendapatkan perkhidmatan penyumberan luar (*out sourcing*) bagi ujian darah dan pengimejan x-ray oleh Syarikat Makmal ZZ, Kuala Lumpur. Semua kos rawatan kesihatan bagi penyakit kritikal, caj bilik penginapan, ubat-ubatan, prosedur rawatan, peralatan perubatan termasuk ujian darah dan pengimejan x-ray Cik EE*

adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Walau bagaimanapun, fi perundingan doktor adalah dikecualikan daripada pengenaan cukai perkhidmatan.

- (v) Semua jenis alat bantuan perubatan kepada pesakit bukan warganegara oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Alat bantuan perubatan ialah produk atau peranti yang membantu individu yang mempunyai had kesihatan untuk mengurus kehidupan harian dengan lebih berkesan, pemulihan lebih cepat atau mengimbangi kecacatan fizikal. Ia merangkumi pelbagai produk atau peranti termasuk alat bantu visual, alat bantu pendengaran, prostetik, ortotik dan pelbagai peranti bantuan untuk tujuan mobiliti dan kehidupan seharian.

Contoh-contoh alat bantuan perubatan kepada pesakit adalah seperti berikut:

Contoh-Contoh Alat Bantuan Perubatan

- | | |
|-----------------------------------|--|
| 1. <i>Hearing aid battery</i> | 25. <i>Wrist & thumb splint</i> |
| 2. <i>Hearing accessories</i> | 26. <i>Elbow strap</i> |
| 3. <i>Hearing aid accessories</i> | 27. <i>Wrist splint</i> |
| 4. <i>Hearing aid</i> | 28. Tongkat kaki lipat |
| 5. <i>Implantable hearing aid</i> | 29. Mesin nebulizer |
| 6. <i>Cochlear implant</i> | 30. Kerusi roda |
| 7. <i>Spirometer</i> | 31. Anggota palsu |
| 8. <i>Binder</i> | 32. Alat bantu penglihatan |
| 9. <i>Walker</i> | 33. <i>Lower limb support</i> |
| 10. <i>Crutchers</i> | 34. <i>Upper limb support</i> |
| 11. <i>Arm sling</i> | 35. <i>Splint accessories</i> |
| 12. <i>Cast</i> | 36. <i>Medical graded
compression stocking</i> |
| 13. <i>Collar</i> | 37. <i>Crutchers accessories</i> |
| 14. <i>Exercise accessories</i> | 38. <i>Oxygen concentrator</i> |
| 15. <i>Spine brace</i> | 39. <i>Pressure garment</i> |
| 16. <i>Lower limbs brace</i> | 40. <i>Heel support</i> |

- | | |
|--|--|
| 17. <i>Upper limbs brace</i> | 41. <i>Blood pressure set</i> |
| 18. <i>Neck collar</i> | 42. <i>Thermometer</i> |
| 19. <i>Prosthetics & orthotics</i> | 43. <i>Commode chair</i> |
| 20. <i>Elbow brace</i> | 44. <i>Oximeter</i> |
| 21. <i>Velcro</i> | 45. <i>Pedal exerciser</i> |
| 22. <i>Oedema gloves</i> | 46. <i>Patient bed/mattress/pillow</i> |
| 23. <i>Ring splint</i> | 47. <i>Phlegm suction machine</i> |
| 24. <i>Dynamic splint</i> | |

Nota: Senarai contoh di atas adalah tidak terhad.

Contoh 5

Encik ZZ merupakan seorang bukan warganegara telah mengalami penyakit asma yang teruk semasa lawatan percutian bersama keluarga ke Malaysia. Beliau telah dihantar oleh isterinya ke Hospital Swasta AA untuk mendapatkan rawatan kesesakan pernafasan yang serius selama dua malam. Dr. AC yang telah merawat Encik ZZ memberikan nasihat kepada beliau untuk membeli peralatan perubatan tambahan iaitu mesin nebulizer yang akan membantu melancarkan masalah pernafasan selepas pulang dari hospital. Semua kos rawatan penjagaan kesihatan Encik ZZ di hospital termasuk caj bilik penginapan, ubat-ubatan dan mesin nebulizer adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kecuali fi perundingan oleh doktor.

- (vi) Perkhidmatan bercukai yang diimport sama ada yang disediakan kepada atau oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta dalam perjalanan atau penerusan perniagaan bagi aktiviti jagaan kesihatan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 6

Puan JJ seorang warganegara Brunei telah mengambil perkhidmatan stem cell oleh sebuah Syarikat XX Stemcell Sdn. Bhd. yang telah dilesenkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di bawah Akta 586. Puan JJ telah

menjalani prosedur pengambilan sampel stem cell tersebut di sebuah hospital swasta QQ yang berada di negara Brunei. Hospital swasta QQ telah menghantar sampel stem cell Puan JJ kepada Syarikat XX Stemcell Sdn. Bhd. di Kuala Lumpur, Malaysia. Perkhidmatan pengambilan dan penyimpanan sampel stem cell Puan JJ yang disediakan oleh Syarikat XX Stemcell Sdn. Bhd. adalah perkhidmatan bercukai diimport dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- (vii) Mana-mana kemudahan yang menyediakan atau mengendalikan perkhidmatan perbidanan dan berdaftar di bawah Akta 586.

Contoh 7

Puan EE seorang bukan warganegara telah selamat melahirkan anaknya di Malaysia. Beliau ingin menggunakan perkhidmatan perbidanan di ABC Confinement Centre di Putrajaya selepas melahirkan anak dan menginap selama 40 hari. Perkhidmatan perbidanan yang disediakan oleh ABC Confinement Centre termasuk caj penginapan dan ubat-ubatan yang disediakan kepada Puan EE adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kecuali fi perundingan doktor.

Contoh 8

Encik MH adalah warganegara Malaysia dan mempunyai seorang isteri Puan FF yang berstatus bukan warganegara telah selamat melahirkan anaknya secara normal di ABC Confinement Centre, Putrajaya. Beliau telah menggunakan perkhidmatan perbidanan di ABC Confinement Centre di Putrajaya selama 3 hari 2 malam. Walau bagaimanapun, Encik MH masih belum mendaftarkan kelahiran anaknya di Pejabat Pendaftaran Negara (JPN) semasa isteri dan bayi tersebut discaj daripada ABC Confinement Centre. Sehubungan itu, semua perkhidmatan bersalin dan penjagaan rawatan bayi berkenaan termasuk caj penginapan dan ubat-ubatan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kecuali fi perundingan doktor.

Contoh 9

Encik AZ merupakan seorang warganegara Malaysia dan isterinya Puan SS berstatus bukan warganegara telah melahirkan anak mereka secara pembedahan di ABC Confinement Centre, Putrajaya. Susulan komplikasi selepas bersalin, Puan SS dan bayi tersebut telah menerima rawatan serta penjagaan selama 14 hari.

Semasa Puan SS dan bayi tersebut discaj daripada ABC Confinement Centre, Encik AZ telah mendaftarkan kelahiran anak mereka di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Sehubungan itu, hanya perkhidmatan bersalin dan penjagaan ke atas Puan SS termasuk caj penginapan dan penyediaan ubat-ubatan, adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kecuali fi perundingan doktor.

Manakala, perkhidmatan penjagaan bayi yang mempunyai sijil kelahiran warganegara termasuk caj penginapan, ubat-ubatan dan fi perundingan doktor adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan Bercukai Berhubung Kawasan Ditetapkan

18. Perkhidmatan jagaan kesihatan yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta dan pengamal kesihatan swasta berdaftar kepada bukan warganegara yang diberikan di dalam atau di antara kawasan ditetapkan atau di antara Kawasan Ditetapkan (KD) dengan Kawasan Khas (KK) tidak termasuk Pulau 1 adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 10

Encik DD merupakan bukan warganegara telah datang ke Pulau Langkawi untuk bercuti bersama keluarganya. Walau bagaimanapun, beliau telah mengalami demam panas. Beliau telah pergi ke Klinik Perubatan YY di Chenang, Langkawi. Semua perkhidmatan perubatan termasuk ubat-

ubatan yang disediakan oleh Klinik Perubatan YY di Chenang, Langkawi kepada Encik DD adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan Bercukai Berhubung Kawasan Khas

19. Tiada cukai perkhidmatan boleh dikenakan ke atas perkhidmatan jagaan kesihatan yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta dan pengamal kesihatan swasta berdaftar kepada bukan warganegara yang diberikan di dalam atau di antara Kawasan Khas (KK) atau di antara kawasan khas dengan Kawasan Ditetapkan (KD).

Perkhidmatan Tidak Bercukai

20. Perkhidmatan jagaan kesihatan yang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan adalah yang disediakan oleh mana-mana orang seperti berikut :

- (a) Mana-mana universiti atau kolej universiti yang berdaftar di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] atau Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [Akta 173] yang mengendalikan atau menyediakan kemudahan jagaan kesihatan swasta; atau
- (b) Kemudahan jagaan kesihatan swasta seperti yang berikut:
 - (i) Pusat Pakar Universiti Malaya;
 - (ii) Pusat Pakar Universiti Kebangsaan Malaysia;
 - (iii) Pusat Pakar Perubatan Universiti Teknologi MARA; dan
 - (iv) Pusat Pakar Perubatan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

21. Penyediaan perkhidmatan jagaan kesihatan oleh kemudahan jagaan kesihatan yang disediakan oleh Kerajaan adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

22. Kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan merujuk kepada mana-mana

kemudahan yang ditubuhkan, disenggarakan, dikendalikan atau disediakan oleh Kerajaan tetapi tidak termasuk kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan yang diswastakan atau yang diperbadankan.

Pengecualian Orang Daripada Membayar Cukai Perkhidmatan

23. Warganegara adalah dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan jagaan kesihatan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta seperti yang dinyatakan di bawah Butiran 7, Jadual Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 (Pindaan) 2025.

PERKHIDMATAN AMALAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI SWASTA

TERMINOLOGI

24. Bagi tujuan panduan ini, perkataan-perkataan yang digunakan mempunyai makna seperti berikut:

24.1 **“Amalan perubatan tradisional dan komplementari”** ertinya suatu bentuk amalan yang berkaitan dengan kesihatan bertujuan untuk mencegah, merawat atau mengurus penyakit atau sakit atau memelihara kesejahteraan fizikal dan mental individu dan termasuk amalan seperti perubatan tradisional Melayu, perubatan tradisional Cina, perubatan tradisional India, pengubatan Islam, homeopati, dan terapi komplementari, tetapi tidak termasuk amalan perubatan dan pergigian yang masing-masing digunakan oleh pengamal perubatan dan pengamal pergigian. (*Seksyen 3, Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [Akta 775]*);

OPERASI INDUSTRI SECARA UMUM

Skop Perkhidmatan Amalan Perubatan Tradisional Dan Komplementari Swasta

25. Apa-apa amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta yang disediakan kepada pesakit bukan warganegara adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN AMALAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI SWASTA

Orang Kena Cukai

26. Berdasarkan butiran 15, ruang (1), Kumpulan I, orang kena cukai adalah

merujuk kepada mana-mana orang yang mengendalikan atau menyediakan tempat bagi perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta tidak termasuk kemudahan jagaan kesihatan swasta di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].

27. Penyediaan perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta adalah seperti di bawah:

- (i) Perubatan tradisional Melayu;
- (ii) Perubatan tradisional Cina;
- (iii) Perubatan tradisional India;
- (iv) Homeopati;
- (v) Kiropraktik;
- (vi) Osteopati; dan
- (vii) Amalan pengubatan islam.

28. Mana-mana orang yang mengendalikan atau menyediakan tempat bagi perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta adalah bertanggung menjadi orang berdaftar cukai perkhidmatan sekiranya pengendali atau penyedia tempat atau pekerja di tempat/premis tersebut adalah pengamal berdaftar di bawah Akta Amalan Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775).

29. Walau bagaimanapun, sekiranya pengendali atau penyedia perkhidmatan dan pekerjanya adalah bukan pengamal berdaftar di bawah Akta Amalan Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775), pengendali atau penyedia perkhidmatan tersebut adalah bertanggung sebagai orang berdaftar cukai perkhidmatan di bawah pusat kesejahteraan seperti di butiran 2, ruang (1) Kumpulan C, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

Nilai Ambang Perkhidmatan Bercukai

30. Nilai ambang perkhidmatan bercukai adalah nilai sebenar semua perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta yang

diberikan kepada warganegara dan bukan warganegara.

31. Cukai perkhidmatan menjadi genap masa pada masa pembayaran diterima bagi perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh mana-mana orang yang mengendalikan atau menyediakan tempat bagi perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta. Bagi perkhidmatan bercukai diimport, cukai perkhidmatan menjadi genap masa pada masa pembayaran dibuat atau invoice diterima bagi perkhidmatan itu, mana-mana yang lebih awal.

32. Nilai perkhidmatan bercukai bagi amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta kepada warganegara dan bukan warganegara adalah RM1,500,000 bagi tempoh 12 bulan. Oleh itu, mana-mana orang yang mengendalikan atau menyediakan tempat bagi perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta yang telah mencapai nilai ambang yang ditetapkan adalah wajib untuk memohon sebagai orang berdaftar dan mengenakan cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai

33. Penyediaan perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan seperti perubatan tradisional Melayu, perubatan tradisional Cina, perubatan tradisional India, pengubatan Islam, homeopati, dan terapi komplementari tetapi tidak termasuk amalan perubatan dan pergigian yang masing-masing digunakan oleh pengamal perubatan dan pengamal pergigian.

Contoh Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai

34. Perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta yang disediakan oleh pengendali atau penyedia tempat perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari adalah seperti akupunktur, ayurveda, homeopati dan ubat-ubatan Cina.

Contoh 11

Encik YY seorang bukan warganegara telah menjalani rawatan jagaan kesihatan di Pusat Tradisional Cina AA, Kuala Lumpur selama seminggu. Beliau telah mendapatkan khidmat nasihat melalui Program Medical Tourism dari negaranya. Rawatan yang dijalani oleh Encik YY melibatkan kimoterapi, radioterapi termasuk rawatan tambahan seperti akupunktur dan ubat-ubatan Cina. Semua bil rawatan Encik YY selama seminggu termasuk caj penginapan bilik pesakit yang dijana oleh Pusat Tradisional Cina AA adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kecuali fi perundingan oleh pengamal perubatan tradisional dan komplementari swasta.

Contoh 12

Puan BB seorang bukan warganegara yang merupakan pesakit saraf dan telah berjumpa dengan pengamal perubatan ayurveda untuk mendapatkan perkhidmatan rawatan saraf. Semua kos perubatan ayurveda adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kecuali fi perundingan oleh pengamal perubatan ayurveda.

Perkhidmatan Bercukai Berhubung Kawasan Ditetapkan

35. Perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta yang disediakan kepada bukan warganegara di dalam atau di antara kawasan ditetapkan atau di antara kawasan ditetapkan (KD) dengan kawasan khas (KK) tidak termasuk Pulau 1 adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 13

Cik EE merupakan bukan warganegara telah datang ke Pulau Pangkor untuk bercuti bersama keluarganya. Walau bagaimanapun, beliau telah mengalami masalah tulang belakang akibat terjatuh semasa mendaki Bukit Kledang, Pulau Pangkor. Beliau telah pergi ke Pusat Kiropratik HH yang hanya beroperasi di Pulau Pangkor untuk mendapatkan rawatan

pembetulan tulang belakang. Semua perkhidmatan rawatan kiropraktik yang disediakan di Pusat Kiropratik HH kepada Cik EE adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan Bercukai Berhubung Kawasan Khas

36. Tiada cukai perkhidmatan boleh dikenakan ke perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta yang disediakan di dalam atau di antara Kawasan Khas (KK) atau di antara kawasan khas dengan Kawasan Ditetapkan (KD).

Perkhidmatan Tidak Bercukai

37. Penyediaan perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

38. Kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan merujuk kepada mana-mana kemudahan yang ditubuhkan, disenggarakan, dikendalikan atau disediakan oleh Kerajaan tetapi tidak termasuk kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan yang diswastakan atau yang diperbadankan.

Pengecualian Orang Daripada Membayar Cukai Perkhidmatan

39. Warganegara adalah dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta seperti yang dinyatakan di bawah Butiran 7, Jadual Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 (Pindaan) 2025.

PERKHIDMATAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN KESIHATAN BERSEKUTU SWASTA

TERMINOLOGI

40. Bagi tujuan panduan ini, perkataan-perkataan yang digunakan mempunyai makna seperti berikut:

40.1 **“Aktiviti yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu”** ertinya apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu yang berikut:

- a) Audiologi;
- b) Dietetik;
- c) Entomologi (kesihatan awam);
- d) Fisioterapi;
- e) Fizik perubatan;
- f) Pemakanan
- g) Psikologi klinikal;
- h) Radiografi diagnostik;
- i) Sains makmal perubatan;
- j) Terapi cara kerja;
- k) Terapi pertuturan-bahasa;
- l) Terapi radiasi;
- m) Teknologi makmal perubatan;
- n) Teknologi pergigian;
- o) Kesihatan persekitaran; atau
- p) Pendidikan kesihatan.

OPERASI INDUSTRI SECARA UMUM

Skop Aktiviti yang Berhubungan dengan Kesihatan Bersekutu Swasta

41. Bagi tujuan perluasan skop cukai perkhidmatan, apa-apa perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta yang disediakan kepada pesakit bukan warganegara adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

LAYANAN CUKAI KE ATAS PERKHIDMATAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN KESIHATAN BERSEKUTU SWASTA

Orang Kena Cukai


42. Berdasarkan butiran 16, ruang (1), Kumpulan I, orang kena cukai adalah merujuk kepada mana-mana orang yang mengendalikan atau menyediakan tempat bagi perkhidmatan aktiviti yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta tidak termasuk kemudahan jagaan kesihatan swasta di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].

43. Penyediaan perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta melibatkan aktiviti seperti berikut:

- (1) Audiologi
- (2) Dietetik
- (3) Entomologi (kesihatan awam)
- (4) Fisioterapi
- (5) Fizik perubatan
- (6) Pemakanan
- (7) Psikologi klinikal
- (8) Radiografi diagnostik
- (9) Sains makmal perubatan
- (10) Terapi cara kerja
- (11) Terapi pertuturan-bahasa

- (12) Terapi radiasi
- (13) Teknologi makmal perubatan
- (14) Teknologi pergigian
- (15) Kesihatan persekitaran
- (16) Pendidikan kesihatan

44. Walau bagaimanapun, pengendali atau penyedia tempat bagi aktiviti yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta adalah tidak bertanggungjawab menjadi orang berdaftar cukai perkhidmatan sekiranya keseluruhan nilai perkhidmatan tersebut disediakan kepada kemudahan jagaan kesihatan swasta yang lain termasuk profesional doktor/pengamal jagaan kesihatan swasta. Contohnya penyediaan perkhidmatan memungut sampel spesimen pesakit bagi ujian makmal seperti ujian darah atau sampel cecair seperti air kencing yang disediakan kepada hospital swasta, klinik swasta atau profesional doktor swasta.



Contoh 14

Kumpulan Syarikat Kesihatan CDE mempunyai sebuah anak syarikat iaitu Makmal AMD Sdn Bhd yang menyediakan perkhidmatan ujian makmal ke atas spesimen manusia dan pengimejan perubatan seperti ujian air kencing,

ujian darah dan pengimejan x-ray. Makmal AMD Sdn Bhd menyediakan semua perkhidmatannya kepada doktor professional swasta, hospital swasta dan klinik swasta sahaja. Makmal AMD Sdn Bhd tidak menyediakan sebarang perkhidmatan secara terus kepada mana-mana pesakit di dalam premis makmal mereka. Oleh yang demikian, Makmal AMD Sdn Bhd tidak bertanggung untuk menjadi orang berdaftar cukai perkhidmatan dan semua perkhidmatan yang disediakan oleh Makmal AMD Sdn Bhd tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Nilai Ambang Perkhidmatan Bercukai

45. Nilai semua perkhidmatan bercukai yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan adalah nilai sebenar semua perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta yang diberikan kepada warganegara dan bukan warganegara.

46. Cukai perkhidmatan menjadi genap masa pada masa pembayaran diterima bagi perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh mana-mana orang yang mengendalikan atau menyediakan tempat bagi perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta. Bagi perkhidmatan bercukai diimport, cukai perkhidmatan menjadi genap masa pada masa pembayaran dibuat atau invois diterima bagi perkhidmatan itu, mana-mana yang lebih awal.

47. Nilai perkhidmatan bercukai bagi perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta kepada warganegara dan bukan warganegara adalah RM1,500,000 bagi tempoh 12 bulan. Oleh itu, mana-mana orang yang mengendalikan atau menyediakan tempat bagi perkhidmatan aktiviti yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta yang telah mencapai nilai ambang yang ditetapkan adalah wajib untuk memohon sebagai orang berdaftar dan mengenakan cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai

48. Perkhidmatan bercukai adalah merujuk kepada apa-apa perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta yang disediakan oleh mana-mana orang yang mengendalikan atau menyediakan tempat bagi tujuan penyediaan perkhidmatan tersebut.

49. Mana-mana orang yang mengendalikan atau menyediakan tempat bagi aktiviti yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta tidak termasuk kemudahan jagaan kesihatan swasta di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] kepada bukan warganegara adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan seperti di perenggan 43.

Contoh Perkhidmatan Yang Dikenakan Cukai

50. Perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu yang disediakan oleh mana-mana orang yang mengendalikan atau menyediakan tempat bagi aktiviti yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta tidak termasuk kemudahan jagaan kesihatan swasta di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] seperti yang disenaraikan di perenggan 43 adalah termasuk pergigian, kesihatan persekitaran, pendidikan kesihatan, penyediaan makanan (penjagaan kesihatan), sains forensik dan sosial perubatan.

Contoh 15

Puan RR merupakan seorang bukan warganegara yang mengalami obesiti dan berdepan dengan risiko yang lebih tinggi untuk menghidap penyakit kardiovaskular serta diabetes. Sehubungan itu, Puan RR telah disarankan untuk berjumpa dengan pakar dietetik bagi mendapatkan khidmat nasihat pemakanan dan perancangan diet bagi menguruskan risiko penyakit, penurunan berat badan serta pembekalan makanan tambahan (supplement).

Dalam hal ini, kos makanan tambahan (*supplement*) yang dibekalkan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan, manakala fi perundingan yang dikenakan oleh pengamal dietetik adalah dikecualikan daripada pengenaan cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan Bercukai Berhubung Kawasan Ditetapkan

51. Perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta yang disediakan kepada bukan warganegara di dalam atau di antara kawasan ditetapkan atau di antara kawasan ditetapkan (KD) dengan kawasan khas (KK) tidak termasuk Pulau 1 adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 16

Seorang bukan warganegara yang dikenali sebagai Encik DD mengalami masalah psikologi dan telah mengambil keputusan untuk mendapatkan rawatan kesihatan mental bagi mengurangkan tahap depresi dan tekanan serta mencegah masalah tekanan jiwa. Sehubungan itu, Encik DD telah mendapatkan rawatan kesihatan mental dan psikiatri di Pusat Psikologi FF yang beroperasi di Langkawi.

Dalam hal ini, **semua perkhidmatan rawatan kesihatan mental dan psikiatri** yang disediakan oleh Pusat Psikologi FF kepada Encik DD adalah **tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan**, memandangkan pusat tersebut **hanya beroperasi di Langkawi**.

Perkhidmatan Bercukai Berhubung Kawasan Khas

52. Tiada cukai perkhidmatan boleh dikenakan ke atas perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta yang disediakan di dalam atau di antara kawasan khas (KK) atau di antara kawasan khas dengan kawasan ditetapkan (KD).

Perkhidmatan Tidak Bercukai

53. Penyediaan perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

54. Kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan adalah merujuk kepada mana-mana kemudahan yang ditubuhkan, disenggarakan, dikendalikan atau disediakan oleh Kerajaan tetapi tidak termasuk kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan yang diswastakan atau yang diperbadankan.

Pengecualian Orang Daripada Membayar Cukai Perkhidmatan

55. Warganegara adalah dikecualikan daripada membayar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta seperti yang dinyatakan di bawah Butiran 7, Jadual Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 (Pindaan) 2025.

MENGAKAUNKAN CUKAI PERKHIDMATAN

56. Orang berdaftar dan menyediakan perkhidmatan bercukai kepada bukan warganegara hendaklah mengeluarkan invoice dan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang diberikan.

57. Orang berdaftar hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan berdasarkan nilai sebenar perkhidmatan bercukai yang disediakan. Nilai perkhidmatan yang dikenakan cukai ke atas perkhidmatan jagaan kesihatan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta, perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta dan perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta adalah berdasarkan Seksyen 9, Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

58. Cukai perkhidmatan hendaklah diakaunkan oleh orang berdaftar melalui Penyata SST-02 kepada JKDM:

- (i) Pada masa pembayaran diterima; atau

- (ii) Pada hari berikutnya selepas tempoh 12 bulan daripada tarikh perkhidmatan itu diberikan sekiranya tiada bayaran diterima.

59. Orang berdaftar boleh memohon secara bertulis daripada Ketua Pengarah tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah untuk menukar asas cukai perkhidmatan menjadi genap masa pada masa invois dikeluarkan.

60. Semua nilai perkhidmatan yang telah diberikan pengecualian hendaklah diisytiharkan dalam ruangan 18(c)(3) dalam Penyata SST-02. Jumlah nilai perkhidmatan yang mendapat pengecualian yang diberikan adalah seperti di bawah:

- (i) Perkhidmatan jagaan kesihatan swasta, perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta dan perkhidmatan kesihatan bersekutu swasta yang diberikan kepada warganegara Malaysia. Pengecualian diberikan melalui Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) 2025.
- (ii) Fi perundingan yang dikenakan oleh doktor profesional di jagaan kesihatan swasta, pengamal perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta dan pengamal perkhidmatan kesihatan bersekutu swasta. Pengecualian daripada pengenaan cukai perkhidmatan adalah di bawah kuasa Menteri Kewangan melalui seksyen 34(3)(a) dan 34(4), Akta Cukai Perkhidmatan 2018, dengan syarat fi perundingan tersebut diasingkan daripada caj-caj lain dalam invois yang sama.

61. Perkhidmatan perundingan oleh professional doktor/pengamal penjagaan kesihatan swasta adalah salah satu perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta. Sehubungan dengan itu, tanggungjawab untuk mengakaunkan cukai perkhidmatan adalah kepada orang berdaftar cukai perkhidmatan sebagai contoh kemudahan hospital swasta atau klinik swasta yang didaftarkan atau dilesenkan di bawah Akta 586. Oleh itu, orang berdaftar cukai

perkhidmatan tersebut dikehendaki untuk mengikrar dan membayar semua cukai perkhidmatan yang diterima di hospital swasta atau klinik swasta terlibat.

Contoh 17

*Hospital Swasta AA telah berdaftar di bawah cukai perkhidmatan pada **1 Julai 2025**, dengan **tarikh kuat kuasa sebagai orang kena cukai bermula 1 Ogos 2025**. Hospital tersebut telah menyediakan kemudahan jagaan kesihatan swasta kepada pekerja bukan warganegara yang berkhidmat di Syarikat ABC Berhad pada **15 Ogos 2025**, dan menerima bayaran bagi perkhidmatan tersebut pada **23 September 2025**.*

*Sehubungan itu, Hospital Swasta AA **hendaklah mengakaunkan cukai perkhidmatan** ke atas perkhidmatan yang diberikan dalam **tempoh bercukai Ogos–September 2025**, dan **pengikraran Penyata SST-02** hendaklah dibuat **pada bulan Oktober 2025**.*

Contoh 18

*Hospital Swasta AA turut menyediakan kemudahan jagaan kesihatan swasta kepada pekerja bukan warganegara yang berkhidmat sebagai pengawal keselamatan di Syarikat MM Sdn. Bhd. bagi perkhidmatan tersebut, Hospital Swasta AA telah mengeluarkan invoice pada **7 November 2025**.*

*Walau bagaimanapun, Syarikat MM Sdn. Bhd. telah menghadapi masalah kewangan yang menyebabkan pembayaran bagi kemudahan jagaan kesihatan swasta kepada pekerja pengawal keselamatan bukan warganegara tersebut tertangguh. Hospital Swasta AA tidak menerima bayaran sehingga berakhir tempoh 12 bulan. Hospital Swasta AA **hendaklah mengakaunkan cukai perkhidmatan** sehari selepas tempoh 12 bulan tersebut.*

PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR

62. Penyedia perkhidmatan bercukai kepada bukan warganegara yang telah mencapai nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan bagi perkhidmatan bercukai adalah dikehendaki berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Untuk maklumat lanjut berkaitan pendaftaran, sila rujuk **Panduan Pendaftaran Cukai Perkhidmatan**.

63. Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk perkara seperti berikut:

- 63.1 Mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;
- 63.2 Mengeluarkan invois dan resit kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai;
- 63.3 Mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh; dan
- 63.4 Menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan selama 7 tahun.

64. Untuk maklumat lanjut mengenai tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan**.

ISU PERALIHAN

65. Berdasarkan Peraturan 3A, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 (PPCP 2018) jika terdapat suatu perubahan dalam mana-mana perkhidmatan bercukai sebagaimana yang dinyatakan Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 (PPCP 2018) kesan perubahan itu ke atas cukai perkhidmatan adalah seperti di perenggan 67 hingga perenggan 77.

66. Dalam hal perkhidmatan bercukai disediakan sebelum tarikh kuat kuasa kenaaan cukai dan melangkaui tarikh kuat kuasa kenaaan cukai, nilai cukai perkhidmatan dikenakan secara pembahagian (*apportionment*) seperti berikut:

- (a) Perkhidmatan bercukai yang disediakan sebelum tarikh kuat kuasa kenaaan cukai perkhidmatan; dan
- (b) Perkhidmatan bercukai yang disediakan pada/selepas tarikh kuat kuasa kenaaan cukai perkhidmatan.

Jadual 1

Sebelum 1.7.2025			Pada/selepas 1.7.2025			Kadar CP dikenakan
Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	
10,000	10,000	10,000	-	-	-	-

67. Dalam hal keseluruhan perkhidmatan bercukai disediakan sebelum 01.07.2025 dan keseluruhan bayaran diterima pada/selepas 01.07.2025, perkhidmatan bercukai adalah tidak dikenakan pada kadar 6% ke atas nilai perkhidmatan bercukai yang disediakan sebelum 01.07.2025.

Jadual 2

Sebelum 1.7.2025			Pada/selepas 1.7.2025			Kadar CP dikenakan
Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	
10,000	10,000	-	-	-	10,000	-

68. Dalam hal keseluruhan perkhidmatan bercukai disediakan sebelum 01.07.2025 seperti di bawah:

- (a) Sebahagian bayaran diterima sebelum 01.07.2025; atau
- (b) Sebahagian bayaran diterima pada/selepas 01.07.2025.

Kesan perubahan ke atas layanan cukai perkhidmatan seperti di perenggan 65 (a) atau (b), perkhidmatan bercukai adalah tidak dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar 6% ke atas nilai perkhidmatan bercukai yang disediakan sebelum 01.07.2025.

Jadual 3

Sebelum 1.7.2025			Pada/selepas 1.7.2025			Kadar CP dikenakan
Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	
10,000	6,000	6,000	-	4,000	4,000	-

Perkhidmatan Bercukai Disediakan Sepenuhnya Pada/Selepas Tarikh Kuat Kuasa

69. Dalam hal keseluruhan perkhidmatan bercukai disediakan sepenuhnya pada/selepas 01.07.2025 dan keseluruhan bayaran diterima pada/selepas 01.07.2025, perkhidmatan bercukai dikenakan pada kadar 6% ke atas nilai bayaran diterima pada/selepas 01.07.2025.

Jadual 4

Sebelum 1.7.2025			Pada/selepas 1.7.2025			Kadar CP dikenakan
Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	
-	-	-	10,000	10,000	10,000	6% x RM10,000

70. Walau bagaimanapun, apa-apa bayaran yang diterima sebelum 01.07.2025 berkaitan perkhidmatan yang disediakan pada/selepas 01.07.2025, perkhidmatan yang disediakan ke atas nilai bayaran diterima sebelum 01.07.2025 tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Jadual 5

Sebelum 1.7.2025			Pada/selepas 1.7.2025			Kadar CP dikenakan
Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	Perkhidmatan Disediakan (RM)	Jumlah Invois Dikeluarkan (RM)	Jumlah Bayaran Diterima (RM)	
-	-	10,000	10,000	10,000	-	-

Perkhidmatan Bercukai Diimport Dalam Tempoh Peralihan

71. Berkuat kuasa mulai 01.07.2025, perkhidmatan bercukai diimport yang melibatkan tempoh peralihan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

72. Walau bagaimanapun, dalam hal apa-apa perkhidmatan bercukai diimport menjadi genap masa (bayaran yang dibuat atau invois diterima, mana-mana yang lebih awal) sebelum 01.07.2025 berkaitan dengan perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh pada/selepas 01.07.2025, perkhidmatan bercukai diimport tersebut adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

73. Perkhidmatan bercukai diimport adalah menjadi genap masa pada tarikh pembayaran dibuat kepada pemberi perkhidmatan atau pada tarikh invois diterima bagi perkhidmatan berkenaan, yang mana terdahulu. Bagi maksud tarikh invois diterima, ia merujuk kepada tarikh di mana invois berkenaan direkod dalam perakaunan syarikat.

74. Dalam hal keseluruhan perkhidmatan bercukai diimport diperoleh sepenuhnya sebelum 01.07.2025 dan menjadi genap masa sebelum 01.07.2025, perkhidmatan bercukai diimport tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan bagi nilai perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh sebelum 01.07.2025.

75. Dalam hal perkhidmatan bercukai diimport diperoleh sebelum 01.07.2025 dan melangkaui 01.07.2025, perkhidmatan bercukai diimport dikenakan cukai perkhidmatan secara **pembahagian (*apportionment*)** seperti berikut:

- a. Perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh sebelum 01.07.2025, tiada kenaan cukai perkhidmatan;
- b. Perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh pada/selepas 01.07.2025, cukai perkhidmatan dikenakan pada kadar 6%.

76. Walau bagaimanapun, apa-apa cukai yang menjadi genap masa pada/selepas 01.07.2025 berkaitan perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh pada/selepas 01.07.2025, perkhidmatan bercukai diimport dikenakan pada kadar 6% ke atas cukai yang menjadi genap masa pada/selepas 01.07.2025 itu.

Dalam hal suatu perkhidmatan baharu dinyatakan sebagai suatu perkhidmatan bercukai diimport dan pemberian perkhidmatan itu menjangkau selepas perubahan itu, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas bahagian perkhidmatan yang boleh dihubungkan dengan bahagian tempoh selepas tarikh perubahan itu.

Contoh 19

*Encik HY merupakan seorang bukan warganegara yang telah menjalani pembedahan otak di sebuah hospital swasta di Kuala Lumpur pada **1 Disember 2024** dan dijadualkan untuk menjalani rawatan pembedahan susulan pada **1 Oktober 2025**. Bagi tujuan rawatan tersebut, Dr. AC telah mendapatkan **pendapat kedua** daripada seorang doktor pakar otak yang berkhidmat di sebuah hospital swasta di Singapura.*

*Sekiranya **bayaran deposit awal** bagi rawatan pembedahan otak tersebut dibuat **sebelum 1 Julai 2025**, perkhidmatan penjagaan kesihatan yang **diimport** kepada Encik HY adalah **tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan**, memandangkan bayaran deposit tersebut merupakan sebahagian daripada pembayaran bagi kemudahan jagaan kesihatan swasta yang disediakan sebelum tarikh kuat kuasa.*

*Walaupun bagaimanapun, **nilai baki keseluruhan** bagi rawatan pembedahan otak yang akan dijalankan pada **1 Oktober 2025** adalah **tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar 6%**, kecuali fi perundingan doktor.*

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. **S** : **Bilakah tarikh kuat kuasa cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan jagaan kesihatan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta, perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta dan perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta kepada bukan warganegara?**

J : Tarikh kuat kuasa cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan jagaan kesihatan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta, perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta dan perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta kepada bukan warganegara adalah pada 1 Julai 2025.

2. **S** : **Berapakah nilai perkhidmatan bercukai bagi tujuan pendaftaran perkhidmatan jagaan kesihatan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta, perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta dan perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta kepada bukan warganegara?**

J : Nilai perkhidmatan bercukai bagi perkhidmatan jagaan kesihatan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta, perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta dan perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta adalah RM1,500,000.00 bagi semua nilai perkhidmatan yang diberikan kepada warganegara dan bukan warganegara.

3. **S : Berapakah kadar cukai perkhidmatan yang dikenakan ke atas perkhidmatan jagaan kesihatan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta, perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta dan perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta kepada bukan warganegara?**

J : Kadar cukai bagi perkhidmatan jagaan kesihatan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta, perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta dan perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta kepada bukan warganegara adalah pada kadar 6%.

4. **S : Apakah perkhidmatan jagaan kesihatan yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta kepada bukan warganegara yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Perkhidmatan jagaan kesihatan yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta kepada bukan warganegara adalah merangkumi seperti di bawah:

(i) Apa-apa perkhidmatan perubatan, pergigian, kejururawatan, perbidanan, kesihatan berkaitan, farmasi dan ambulan yang disediakan oleh profesional jagaan kesihatan;

(ii) Tempat tinggal bagi maksud penyediaan perkhidmatan jagaan kesihatan;

(iii) Apa-apa perkhidmatan untuk memeriksa, mendiagnosis, atau merawat seseorang yang menginap atau dipercayai menghidap apa-apa penyakit, kecederaan atau hilang upaya minda atau badan;

- (iv) Apa-apa perkhidmatan bagi maksud kesihatan pencegahan atau penggalakan;
- (v) Apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh mana-mana profesional separa jagaan kesihatan;
- (vi) Apa-apa fi perundingan yang disediakan oleh mana-mana profesional jagaan kesihatan dan pengamal perubatan berdaftar;
- (vii) Apa-apa perkhidmatan bagi mengubati atau mengurangkan apa-apa keadaan luar biasa tubuh manusia dengan menggunakan apa-apa perkakas, kelengkapan, alat, atau peranti atau apa-apa teknologi perubatan lain;
- (viii) Apa-apa perkhidmatan makanan yang disediakan kepada pesakit oleh kemudahan jagaan kesihatan yang berdaftar atau berlesen; atau
- (ix) Apa-apa perkhidmatan bilik mayat yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan yang berdaftar atau berlesen.

5. **S** : Seorang pekerja bukan warganegara Syarikat PP telah mendapatkan perkhidmatan pembedahan plastik ke atas muka dan tulang rahang dari Klinik Estetik Swasta YY. Klinik Estetik Swasta YY telah berlesen di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].

Adakah perkhidmatan pembedahan plastik dari Klinik Estetik Swasta YY termasuk fi perundingan doktor yang melakukan pembedahan plastik adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Perkhidmatan pembedahan plastik dari Klinik Estetik Swasta YY yang menyediakan perkhidmatan pembedahan plastik adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan atas kadar cukai 6% kecuali fi perundingan doktor.

6. **S** : **Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas deposit yang dibayar kepada penyedia perkhidmatan jagaan kesihatan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta, perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta dan perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta?**

J : **Situasi 1:**

Bayaran deposit adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya ia sebahagian daripada pembayaran perkhidmatan bagi perkhidmatan jagaan kesihatan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta, perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta dan perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta yang disediakan kepada bukan warganegara.

Situasi 2:

Bayaran deposit adalah TIDAK tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya ia BUKAN sebahagian daripada pembayaran perkhidmatan bagi perkhidmatan jagaan kesihatan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta, perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta dan perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta yang disediakan kepada bukan warganegara.

7. **S** : **Apakah jenis perkhidmatan jagaan kesihatan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta kepada bukan warganegara yang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Semua jenis perkhidmatan jagaan kesihatan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta kepada bukan warganegara adalah

tertakluk kepada cukai perkhidmatan kecuali fi perundingan oleh doktor profesional.

8. **S : Apakah penyediaan perkhidmatan kemudahan jagaan kesihatan swasta kepada bukan warganegara yang berada di luar Malaysia?**

J : Dr. AC merupakan seorang doktor pakar jantung yang berkhidmat di Institut Jantung Swasta Kuala Lumpur. Dr. AC telah menjalankan pembedahan pemindahan jantung ke atas pesakitnya yang sedang dirawat di Hospital GG, Sydney, Australia. Pesakit tersebut tidak dapat hadir ke Malaysia kerana tidak dibenarkan menaiki pesawat atas faktor kesihatan.

Sehubungan itu, **perkhidmatan pembedahan pemindahan jantung**, termasuk **perkhidmatan perundingan** yang disediakan oleh Dr. AC di Hospital GG, Sydney, Australia, adalah **tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan**, memandangkan perkhidmatan penjagaan kesihatan tersebut **disediakan di luar Malaysia**.

9. **S : Saya merupakan pengamal berdaftar dan juga pemilik premis yang mengendalikan perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta. Adakah premis perniagaan saya yang menyediakan perkhidmatan kepada bukan warganegara adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Ya. Premis yang menyediakan perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta dan telah mencapai nilai ambang RM1,500,000 bagi tempoh 12 bulan adalah bertanggungjawab untuk menjadi orang berdaftar cukai perkhidmatan. Cukai

perkhidmatan hendaklah dikenakan kepada perkhidmatan bercukai yang diberikan kepada bukan warganegara kecuali fi perundingan oleh pengamal perubatan tradisional dan komplementari.

10. **S : Saya merupakan pemilik premis yang mengendalikan perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta, tetapi saya bukan pengamal berdaftar. Walau bagaimanapun, saya telah menggaji para pekerja yang telah menjadi pengamal berdaftar sebagai pengamal perubatan tradisional dan komplementari swasta.**

Adakah premis perniagaan saya yang menyediakan perkhidmatan kepada bukan warganegara adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

- J : Ya. Premis yang menyediakan perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta dan telah mencapai nilai ambang RM1,500,000 bagi tempoh 12 bulan adalah bertanggungjawab untuk menjadi orang berdaftar cukai perkhidmatan walaupun pemilik premis bukanlah seorang pengamal berdaftar di bawah Akta 775. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan kepada perkhidmatan bercukai yang diberikan kepada bukan warganegara kecuali fi perundingan oleh pengamal perubatan tradisional dan komplementari.

11. **S : Adakah farmasi termasuk dalam perluasan skop penjagaan kesihatan swasta kepada bukan warganegara?**

- J : Perkhidmatan farmasi yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta yang berdaftar atau berlesen di bawah Akta 586 adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kepada bukan warganegara. Walau bagaimanapun, premis retail farmasi yang beroperasi di dalam bangunan kemudahan jagaan kesihatan swasta

yang berdaftar atau berlesen di bawah Akta 586 tersebut adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Penjualan semua barangan di retail farmasi tersebut adalah bukan perkhidmatan bercukai di bawah Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

12. S : Sekiranya pesakit bukan warganegara di kemudahan klinik/hospital swasta menerima pelbagai rawatan dan perkhidmatan seperti berikut:

Yuran pentadbiran: RM10.00

Caj X-ray: RM60

Caj makmal: RM30

Yuran konsultasi doktor: RM200

Ubat-ubatan: RM100

Jumlah keseluruhan bil: RM400

Adakah cukai perkhidmatan dikenakan ke atas jumlah keseluruhan bil rawatan berjumlah RM400 atau hanya ke atas yuran konsultasi doktor berjumlah RM200?

J : Yuran konsultasi doktor sebanyak RM200 adalah dikecualikan daripada cukai perkhidmatan. Manakala yuran pentadbiran, caj makmal, caj X-ray dan kos ubat-ubatan berjumlah RM200 adalah tertakluk kepada dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar 6% sebanyak RM12.

13. S : Adakah ubat-ubatan tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Ya. Dari segi cukai perkhidmatan, ubat-ubatan yang disediakan dengan preskripsi doktor adalah tertakluk cukai perkhidmatan kepada pesakit bukan warganegara. Penyediaan ubat-ubatan yang disediakan oleh perkhidmatan farmasi juga adalah salah satu jenis

perkhidmatan jagaan kesihatan di kemudahan jagaan kesihatan swasta dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Walau bagaimanapun, penjualan barangan ubat-ubatan atau barangan yang berhubungan dengan ubat-ubatan di lain-lain premis perniagaan seperti retail farmasi yang tidak berdaftar atau berlesen di bawah Akta 586 adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

14. S : Jika kos ubat yang dikenakan dalam bil rawatan *in-patient* dikenakan cukai perkhidmatan, bagaimana pula dengan caj ubat-ubatan yang dibekalkan dan dibawa pulang ke rumah semasa discaj atau lawatan susulan berjadual?

J : Penyediaan ubat-ubatan, sama ada digunakan dalam rawatan penjagaan kesihatan bagi pesakit dalam (in-patient) atau dibawa pulang oleh pesakit bukan warganegara melalui preskripsi daripada mana-mana doktor profesional, di hospital swasta atau klinik swasta adalah **tertakluk kepada cukai perkhidmatan**.

Walaupun bagaimanapun, **penjualan ubat-ubatan melalui kaunter di klinik swasta atau hospital swasta berdasarkan preskripsi doktor yang tidak berkhidmat di kemudahan jagaan kesihatan swasta yang sama adalah diklasifikasikan sebagai penjualan barangan dan oleh itu tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan**.

15. S : Adakah perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang disediakan kepada warganegara yang telah diberikan pengecualian perlu diikrar di dalam Penyata SST-02?

J : Perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang disediakan kepada warganegara adalah diberikan pengecualian. Oleh itu, nilai

perkhidmatan yang mendapat pengecualian hendaklah diikrar di ruang 18(c)(3) dalam Penyata SST-02.

- 16. S : Fi perundingan yang dikenakan oleh doktor profesional di pusat kemudahan jagaan kesihatan swasta berdaftar dan pengamal bagi perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta dan perkhidmatan kesihatan bersekutu swasta yang disediakan kepada bukan warganegara telah dikecualikan daripada dikenakan cukai perkhidmatan melalui kuasa Menteri Kewangan.**

Adakah pengecualian ke atas nilai fi perundingan tersebut perlu diikrar di dalam Penyata SST-02?

- J : Fi perundingan yang dikenakan oleh doktor profesional di kemudahan jagaan kesihatan swasta berdaftar, pengamal amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta, serta penyedia perkhidmatan kesihatan bersekutu swasta kepada bukan warganegara telah dikecualikan melalui kuasa Menteri Kewangan.**

Fi perundingan adalah merupakan perkhidmatan bercukai tetapi telah diberikan pengecualian **di bawah kuasa Menteri Kewangan**. Sehubungan itu, **nilai fi perundingan tersebut hendaklah diikrar** di ruang 18(c)(3) dalam Penyata SST-02.

- 17. S : Hospital Swasta ABC mula berkuatkuasa untuk mengenakan dan mengutip cukai perkhidmatan bagi tempoh bercukai dari 1 hingga 31 Ogos 2025. Namun begitu, terdapat kekangan sistem dalaman dan hanya bersedia untuk mengutip cukai perkhidmatan bermula pada 18 Ogos 2025 kerana mereka memerlukan masa untuk menambah baik sistem dan proses dalaman bagi mematuhi keperluan cukai perkhidmatan.**

Dalam situasi ini, bagaimana cara Hospital Swasta ABC membuat pengikraran dan pembayaran bagi penyata SST-02 bagi tempoh 1 hingga 31 Ogos 2025? Atau cukup sekadar melaporkan transaksi bermula dari 18 hingga 31 Ogos 2025 sahaja?

- J** : Hospital Swasta ABC hendaklah melaporkan melalui pengikraran dalam Penyata SST-02 **semua nilai perkhidmatan bercukai** bagi tempoh **1 hingga 31 Ogos 2025**. Nilai cukai perkhidmatan yang dibayar mestilah **selari dengan nilai perkhidmatan bercukai yang diikrar**. Memandangkan Hospital Swasta ABC telah memaklumkan bahawa **bagi tempoh 1 hingga 17 Ogos 2025, nilai cukai perkhidmatan tidak dikutip daripada pesakit bukan warganegara**, maka **tanggungjawab Hospital Swasta ABC adalah untuk membayar semua nilai cukai perkhidmatan** yang terlibat bagi tempoh tersebut.
- 18. S** : **Adakah klinik estetik yang mempunyai lesen Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di bawah Akta 586 adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J** : Klinik estetik swasta yang berdaftar atau berlesen dengan KKM di bawah Akta 586 akan berdaftar di butiran 14, Kumpulan I sekiranya telah mencapai nilai ambang RM1.5 juta dalam tempoh 12 bulan bagi semua nilai perkhidmatan yang diberikan kepada warganegara dan bukan warganegara. Kadar cukai perkhidmatan ialah 6% yang disediakan kepada bukan warganegara.

20. **S** : **Adakah penyedia perkhidmatan penyimpanan *stem cell* dan rawatan *in vitro fertilization (IVF)* yang tidak berdaftar atau berlesen di bawah Akta 586 tertakluk kepada cukai perkhidmatan berkuat kuasa pada 1 Julai 2025?**

J : Penyedia perkhidmatan penyimpanan *stem cell* dan rawatan *in vitro fertilization (IVF)* yang tidak berdaftar atau berlesen di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah butiran 14, Kumpulan I.

Penyedia perkhidmatan ruang penyimpanan *stem cell* tersebut adalah merupakan perkhidmatan bercukai di bawah Perkhidmatan Sewaan atau Pajakan, ruang (2), Kumpulan K, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Untuk maklumat lanjut berkaitan perkhidmatan sewaan, sila rujuk **Panduan Perkhidmatan Sewaan atau Pajakan**.

21. **S** : **Bagaimana jika syarikat menyediakan perubatan kepada *expatriate* mereka?**

Adakah terdapat sebarang sebarang kesan cukai kepada syarikat untuk skop perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta?

J : Perkhidmatan jagaan kesihatan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta adalah perkhidmatan cukai di bawah butiran 14, ruang (2), Kumpulan I, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Kadar cukai ialah 6% dan cukai perkhidmatan dikenakan kepada bukan warganegara sahaja.

Sehubungan itu, pekerja *expatriate* kepada syarikat tersebut akan dikenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan jagaan

kesihatan yang disediakan oleh kemudahan jagaan swasta serta telah menjadi orang berdaftar cukai perkhidmatan sahaja. Impak cukai perkhidmatan kepada syarikat yang memberikan faedah pekerja *expatriate* melalui insurans kesihatan syarikat atau tuntutan pulang balik kepada syarikat berkaitan aspek kesihatan adalah kos tambahan bagi cukai perkhidmatan dengan kadar 6%.

Walau bagaimanapun, tiada impak kos tambahan ke atas cukai perkhidmatan sekiranya pekerja *expatriate* tersebut memperolehi perkhidmatan jagaan kesihatan dari mana-mana kemudahan jagaan kesihatan swasta yang TIDAK berdaftar sebagai orang berdaftar cukai perkhidmatan

Untuk makluman, kemudahan jagaan kesihatan swasta yang didaftarkan atau dilesenkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] adalah bertanggungjawab menjadi orang berdaftar cukai perkhidmatan sekiranya telah mencapai nilai ambang RM1.5 juta dalam tempoh 12 bulan.

22. **S** : **Bagi perkhidmatan jagaan kesihatan swasta oleh hospital swasta yang berdaftar cukai perkhidmatan dan menyediakan perkhidmatan pengurusan *health screening* kepada bukan warganegara, bil invois yang dijana oleh hospital tersebut akan dikemukakan kepada pihak syarikat selaku majikan atau mana-mana syarikat lain yang telah dilantik untuk mengendalikan hal tersebut. Adakah syarikat yang menyediakan perkhidmatan pengurusan *health screening* kepada bukan warganegara tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Penyediaan perkhidmatan pengurusan pemeriksaan kesihatan kepada pekerja bukan warganegara seperti *Foreign Workers' Medical Examination Monitoring Agency (FOMEMA Sdn. Bhd.)*

adalah dikecualikan daripada pembayaran cukai perkhidmatan. Oleh itu, hospital swasta atau klinik swasta tidak boleh mengenakan cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang diberikan kepada syarikat yang menyediakan perkhidmatan pengurusan *health screening* kepada bukan warganegara. Untuk maklumat lanjut boleh merujuk kepada Dasar Cukai Perkhidmatan Bil. 5/2025 (Pindaan No. 2).

23. **S** : **Dalam sektor penjagaan kesihatan swasta, terdapat pesakit bukan warganegara yang membayar bil secara tunai atau menggunakan kad insurans di mana syarikat insurans akan membuat bayaran kepada hospital/klinik swasta untuk tujuan pemeriksaan perubatan oleh doktor. Bagi kes pesakit bukan warganegara yang menggunakan kad insurans, apakah layanan cukai perkhidmatan dalam situasi ini?**

J : Bagi pesakit bukan warganegara yang menjalani rawatan kesihatan dan menggunakan kaedah pembayaran melalui panel insurans atau *Third Party Administrators (TPAs)* juga tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Walau bagaimanapun, sekiranya nilai cukai perkhidmatan tidak termasuk dalam pelarasan kontrak perjanjian nilai polisi insurans terlibat, pesakit bukan warganegara adalah bertanggungjawab untuk membayar nilai cukai perkhidmatan yang terlibat kepada kemudahan jagaan kesihatan swasta.

Kemudahan kesihatan swasta hendaklah menuntut pembayaran nilai cukai perkhidmatan terlibat daripada pesakit bukan warganegara semasa discaj. Manakala, kos rawatan kesihatan pula akan dibayar oleh panel insurans atau *Third Party Administrators (TPAs)*.

24. **S** : **Terdapat pasangan atau ahli keluarga kepada pekerja Kerajaan yang berstatus bukan warganegara yang layak menggunakan**

***Guarantee Letter (GL)* Kerajaan untuk semua perkhidmatan jagaan kesihatan yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta.**

Adakah perkhidmatan jagaan kesihatan swasta yang disediakan kepada pasangan atau ahli keluarga yang berstatus bukan warganegara tersebut kepada pekerja Kerajaan tertakluk kepada cukai perkhidmatan berkuat kuasa 1 Julai 2025?

Siapakah pihak yang bertanggungjawab untuk membayar nilai cukai perkhidmatan yang dikenakan kepada pasangan atau ahli keluarga yang berstatus bukan warganegara kepada pekerja Kerajaan tersebut?

- J** : Penetapan layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan jagaan kesihatan swasta kepada bukan warganegara adalah mengikut penerima perkhidmatan dan bukan pihak yang membayar perkhidmatan.

Dalam situasi ini, pihak Kerajaan tidak seharusnya dipertanggungjawabkan untuk membayar cukai perkhidmatan melalui *Guarantee Letter (GL)* Kerajaan bagi pihak pesakit bukan warganegara yang merupakan pasangan atau ahli keluarga kepada warganegara Malaysia yang bekerja dengan Kerajaan.

Oleh itu, perkhidmatan jagaan kesihatan swasta kepada pesakit bukan warganegara adalah tertakluk kepada dikenakan cukai perkhidmatan dan tidak mengambil kira status pihak yang membayar perkhidmatan bagi pihak pesakit bukan warganegara.

Kadar bayaran bagi cukai perkhidmatan tidak akan ditanggung oleh pihak Kerajaan melalui kaedah *Guarantee Letter (GL)* Kerajaan. Tanggungjawab pembayaran cukai perkhidmatan tersebut adalah

kepada pesakit berstatus bukan warganegara. Maka, kemudahan kesihatan swasta hendaklah menuntut pembayaran nilai cukai perkhidmatan terlibat daripada pesakit bukan warganegara semasa discaj. Manakala, semua kos rawatan pemeriksaan kesihatan pula akan dibayar oleh *Guarantee Letter (GL)* Kerajaan.

25. **S** : **Adakah pengecualian cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta yang diberikan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan berkuat kuasa 1 Mac 2024 akan terbatal selepas 1 Julai 2025?**

J : Ya. Pengecualian cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta yang diberikan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan berkuat kuasa 1 Mac 2024 akan terbatal selepas 1 Julai 2025.

26. **S** : **Perkhidmatan amalan perubatan Islam kebiasaannya tidak mempunyai nilai perkhidmatan secara tetap dan berkonsepkan derma seikhlas hati. Bagaimana penentuan nilai derma tersebut dibuat dan adakah nilai derma tersebut dianggap sebagai nilai perkhidmatan bercukai?**

J : Derma seikhlas hati digunakan sebagai cara pembayaran ke atas perkhidmatan amalan perubatan Islam yang diterima dari pelanggannya. Walaupun derma tersebut mempunyai unsur sedekah, nilai sedekah tersebut adalah nilai perkhidmatan bercukai memandangkan pembayaran derma tersebut diterima kerana penyediaan perkhidmatan amalan perubatan islam kepada pelanggannya.

Berdasarkan seksyen 9(1) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 nilai perkhidmatan bercukai yang baginya cukai perkhidmatan kena dibayar hendaklah ditentukan mengikut sub butiran (A) iaitu nilai

sebenar perkhidmatan bercukai yang diberikan. Ini bermakna apa-apa bayaran yang diterima adalah dianggap nilai sebenar perkhidmatan yang diberikan.

27. **S : Premis saya menjalankan aktiviti perniagaan bagi perkhidmatan kiropraktik dan fisioterapi. Bagaimana pengiraan nilai *threshold* dan pendaftaran cukai perkhidmatan dilakukan?**

J : Perkhidmatan kiropraktik adalah salah satu amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta dan merupakan perkhidmatan bercukai di butiran 15, ruang (2), Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Oleh itu, mana-mana orang yang mengendalikan atau menyediakan tempat bagi perkhidmatan amalan perubatan tradisional dan komplementari swasta tidak termasuk kemudahan jagaan kesihatan swasta di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] akan berdaftar di bawah butiran 15, ruang (1) Kumpulan I sekiranya telah mencapai nilai ambang RM1.5 juta dalam tempoh 12 bulan bagi semua perkhidmatan bercukai yang diberikan kepada warganegara dan bukan warganegara. Kadar cukai perkhidmatan ialah 6% yang disediakan kepada bukan warganegara.

Manakala, perkhidmatan fisioterapi merupakan salah satu perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu dan adalah perkhidmatan bercukai di butiran 16, ruang (2), Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Mana-mana orang yang mengendalikan atau menyediakan tempat bagi aktiviti yang berhubungan dengan kesihatan bersekutu swasta tidak termasuk kemudahan jagaan kesihatan swasta di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] hendaklah berdaftar di butiran 16, ruang (1) Kumpulan I sekiranya telah mencapai nilai ambang RM1.5 juta dalam tempoh

12 bulan bagi semua perkhidmatan bercukai yang diberikan kepada warganegara dan bukan warganegara. Kadar cukai perkhidmatan ialah 6% yang disediakan kepada bukan warganegara.

Sehubungan dengan itu, pihak syarikat hendaklah mengira nilai *threshold* secara berasingan bagi perkhidmatan kiropraktik dan fisioterapi. Sekiranya nilai *threshold* bagi kedua-dua aktiviti telah dicapai, maka pihak syarikat adalah bertanggungjawab untuk pendaftaran mandatori bagi cukai perkhidmatan melibatkan kedua-dua perkhidmatan bercukai. Selepas itu, pihak syarikat juga dikehendaki untuk menjana invoice dengan menyatakan 2 perkhidmatan yang berlainan. Syarikat tidak boleh menjana invoice secara *lump sum* bagi 2 perkhidmatan bercukai yang berbeza.

28. **S** : Kami merupakan sebuah syarikat berdaftar yang menjalankan perniagaan Perubatan Tradisional Cina (*Traditional Chinese Medicine*), termasuk menyediakan perkhidmatan seperti konsultasi, akupunktur, penjualan ubat-ubatan dan produk kesihatan. Kami turut menjual produk seperti *foot bath, herbal syrup, herbal plaster, moxa box, sarang burung (bird's nest)* dan lain-lain secara berasingan kepada pesakit.

Adakah produk-produk ini juga perlu dikenakan cukai perkhidmatan 6% ke atas pembeli bukan warganegara Malaysia?

- J : Penjualan barangan produk kesihatan adalah bukan perkhidmatan bercukai dan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Sehubungan itu, *foot bath, herbal syrup, herbal plaster, moxa box, sarang burung (bird's nest)* dan lain-lain secara berasingan kepada pesakit bukan warganegara adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

29. **S** : **Adakah peralatan kelengkapan pergigian tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Semua perkhidmatan jagaan kesihatan seperti pergigian yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan termasuk penggunaan alat kelengkapan bagi tujuan rawatan pergigian kepada pesakit bukan warganegara kecuali fi perundingan doktor pergigian.

30. **S** : **Saya menyediakan perkhidmatan psikologi klinikal kepada pelanggan yang berada di luar negara yang diberikan melalui perjumpaan secara dalam talian (*online*). Adakah perkhidmatan psikologi klinikal yang diberikan secara *online* kepada bukan warganegara yang berada di luar negara tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Berdasarkan Seksyen 7(a) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 yang menyatakan bahawa perkhidmatan yang disediakan di Malaysia adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Sehubungan itu, perkhidmatan psikologi klinikal yang diberikan secara dalam talian (*online*) kepada bukan warganegara yang berada di luar negara tertakluk kepada cukai perkhidmatan kecuali fi perundingan oleh pengamal psikologi klinikal.

31. **S** : **Adakah hospital swasta A sebagai penerima perkhidmatan daripada hospital swasta B layak memperoleh pengecualian *business to business* (B2B)? Sebagai contoh, hospital swasta A menghantar spesimen pesakit bukan warganegara secara *walk in* ke makmal hospital swasta B.**

J : Tiada sebarang pengecualian business-to-business (B2B) diberikan kepada Hospital Swasta A dan Hospital Swasta B.

Walau bagaimanapun, **Hospital Swasta B tidak perlu mengenakan cukai perkhidmatan kepada Hospital Swasta A** sekiranya pesakit tidak dirujuk secara terus kepada Hospital Swasta B untuk mendapatkan rawatan. **Cukai perkhidmatan hanya dikenakan ke atas invois akhir** yang dijana oleh Hospital Swasta A kepada **pesakit bukan warganegara**.

32. **S : Hospital Swasta ABC mengeluarkan invois kepada pesakit bukan warganegara untuk semua perkhidmatan jagaan kesihatan yang disediakan termasuk bayaran fi perundingan oleh doktor profesional. Oleh itu pada hari terakhir setiap bulan, doktor profesional akan mengeluarkan invois kepada Hospital Swasta ABC bagi bayaran fi perundingan yang mereka telah sediakan untuk tempoh sebulan. Adakah doktor profesional tersebut boleh mengenakan caj cukai perkhidmatan dalam invois yang dikeluarkan kepada Hospital Swasta ABC?**

J : Doktor profesional tidak boleh mengenakan caj cukai perkhidmatan kepada Hospital Swasta ABC kerana doktor profesional **bukan orang kena cukai (OKC)** di bawah **Butiran 15, Ruang (1), Kumpulan I, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018**. Oleh itu, **mana-mana doktor profesional yang berkhidmat di Hospital Swasta ABC secara kontrak adalah tidak boleh mengenakan cukai perkhidmatan di dalam invois kepada Hospital Swasta ABC**.

Walau bagaimanapun, **Hospital Swasta ABC hendaklah memastikan semua invois yang dijana adalah tertakluk kepada**

cukai perkhidmatan, kecuali fi perundingan oleh doktor profesional.

Dari segi **pelarasan pelaporan perakaunan**, Hospital Swasta ABC **hendaklah memastikan segala rekod perakaunan, termasuk pelarasan semula invois, dikemaskini dengan teratur** bagi memastikan pematuhan SST dan memudahkan semakan audit.

35. **S** : Pusat Bersalin NN menyediakan perkhidmatan penjagaan selepas bersalin termasuk penginapan, makanan serta perkhidmatan jururawat/bidan kepada ibu dan bayi.

Adakah perkhidmatan tersebut termasuk dalam kategori perkhidmatan bercukai di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018?

- J** : Sekiranya premis tersebut telah berdaftar atau dilesenkan di bawah Akta 586 melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), maka pusat penjagaan jururawat/bidan kepada ibu dan bayi tersebut hendaklah menjadi orang berdaftar cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan jagaan kesihatan swasta, butiran 14, ruang (2), Kumpulan I, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

Sekiranya premis tersebut tidak berdaftar atau berlesen di bawah Akta 586 melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), maka pusat penjagaan jururawat/bidan kepada ibu dan bayi tersebut hendaklah menjadi orang berdaftar cukai perkhidmatan bagi Pusat Kesejahteraan, butiran 2, ruang (1), Kumpulan C, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Nilai ambang yang ditetapkan bagi Kumpulan C ialah RM500,000 bagi tempoh 12 bulan berkuat kuasa pada 1 September 2018 dan dikenakan pada kadar cukai 8% kepada warganegara dan bukan warganegara Malaysia.

Tiada sebarang pengecualian diberikan bagi perkhidmatan bercukai ini.

36. **S : Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas pemberian diskaun?**

J : Diskaun yang diberikan kepada kakitangan dan ahli keluarga kakitangan termasuk doktor yang berkhidmat dengan pihak hospital swasta secara lantikan kontrak atau tetap adalah ditetapkan sebagai perkhidmatan bercukai yang diberikan kepada seseorang yang berkaitan dengan orang kena cukai (*discount provided to connected person*). Oleh yang demikian, cukai perkhidmatan adalah tertakluk kepada nilai kasar perkhidmatan jagaan kesihatan sebelum nilai diskaun yang diberikan kepada *staff* termasuk doktor yang berstatus bukan warganegara.

Diskaun yang diberikan kepada pesakit bukan warganegara secara umum dan boleh diakses secara adil oleh semua pesakit adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan ke atas nilai bersih perkhidmatan jagaan kesihatan selepas penolakan nilai diskaun.

37. **S : Jika baucar yang diberikan kepada Rose yang berstatus pesakit bukan warganegara hanya layak mendapat diskaun separa seperti berikut:-**

Nilai sebenar perkhidmatan Mammogram = RM200

Diskaun ke atas baucar diberikan = RM50

Nilai bersih yang perlu dibayar = RM150

Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas jumlah bersih RM150 atau jumlah kasar RM200?

J : Penentuan nilai perkhidmatan bercukai bagi diskaun adalah merujuk kepada Seksyen 9, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 seperti di bawah:

9. (1) Bagi maksud Akta ini, nilai perkhidmatan bercukai yang baginya cukai perkhidmatan kena dibayar hendaklah ditentukan seperti yang berikut:

(a) dalam hal perkhidmatan bercukai bagi—

(i) penjualan barang oleh orang kena cukai kepada—

(A) orang yang tidak berkaitan dengan orang kena cukai itu, harga sebenar barang itu dijual; atau

(B) orang yang berkaitan dengan orang kena cukai itu, harga bagi barang itu jika dijual dalam perjalanan biasa perniagaan kepada orang yang tidak berkaitan dengan orang kena cukai itu.

Berdasarkan perundangan di atas, diskaun yang diberikan kepada pesakit bukan warganegara secara umum dan boleh diakses secara adil oleh semua pesakit adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan atas nilai bersih perkhidmatan jagaan kesihatan selepas penolakan nilai diskaun.

Walau bagaimanapun, sekiranya diskaun yang diberikan kepada pesakit bukan warganegara yang merupakan seseorang berkaitan dengan orang berdaftar itu, maka cukai perkhidmatan adalah tertakluk ke atas nilai kasar sebelum penolakan nilai diskaun. Contohnya, cukai perkhidmatan atas kadar cukai 6% adalah tertakluk kepada nilai kasar bagi kakitangan atau keluarga kakitangan termasuk doktor yang dilantik secara kontrak atau tetap yang berstatus bukan warganegara sahaja.

Sehubungan dengan itu, layanan cukai perkhidmatan ke atas diskaun perlu mematuhi perundangan di atas. Bagi situasi baucar

diskaun mammogram yang diberikan kepada Rose yang berstatus bukan warganegara hendaklah mengikut situasi yang telah dijelaskan di atas.

Sekiranya Rose yang berstatus bukan warganegara mendapat *voucher* diskaun bagi perkhidmatan mammogram berjumlah RM50.00 sepertimana kelayakan diskaun yang diberikan kepada pesakit bukan warganegara lain secara umum dan boleh diakses secara adil oleh semua pesakit, maka cukai perkhidmatan adalah tertakluk ke atas nilai bersih perkhidmatan jagaan kesihatan selepas penolakan nilai diskaun iaitu RM150.00. Nilai cukai perkhidmatan yang perlu dibayar ialah RM9.00.

Namun demikian, dalam situasi di mana diskaun yang diberikan kepada Rose yang berstatus bukan warganegara hanyalah untuk *connected person* atau orang-orang yang tertentu sahaja, maka cukai perkhidmatan adalah tertakluk ke atas nilai kasar berjumlah RM200.00 sebelum penolakan nilai diskaun. Nilai cukai perkhidmatan yang perlu dibayar ialah RM12.00.

38. **S : Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas pemberian *medical benefits* secara percuma kepada kakitangan atau keluarga kakitangan termasuk doktor berstatus bukan warganegara yang bekerja di hospital swasta?**

J : Layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan percuma adalah berdasarkan Seksyen 9(1)(a)(ii), Akta Cukai Perkhidmatan 2018 seperti di bawah:

“pembekalan barang, jika barang itu dibekalkan secara percuma, harga bagi barang itu jika dijual dalam perjalanan biasa perniagaan kepada orang yang tidak berkaitan dengan orang yang kena cukai itu”.

Sehubungan dengan itu, pemberian perkhidmatan jagaan kesihatan swasta kepada kakitangan atau keluarga kakitangan termasuk doktor yang bekerja berstatus bukan warganegara adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan ke atas NILAI SEBENAR. Oleh itu, pihak hospital swasta perlu mengakaunkan nilai *medical benefits* tersebut termasuk nilai cukai perkhidmatan.

41. **S** : **Encik YY seorang warganegara China ingin membeli kerusi roda dari Hospital Swasta ABC. Adakah kerusi roda tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Ya. Pembelian kerusi roda yang merupakan *medical aids* adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

42. **S** : **Hospital Swasta ABC juga menyediakan perkhidmatan *luggage storage* kepada pesakit bukan warganegara. Adakah perkhidmatan *luggage storage* tertakluk kepada cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan sewaan atau pajakan di bawah Kumpulan K?**

J : Perkhidmatan sampingan lain di kemudahan jagaan kesihatan swasta seperti *luggage storage* yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta, perubatan tradisional dan komplementari swasta dan kemudahan kesihatan bersekutu swasta kepada bukan warganegara adalah termasuk sebagai skop perkhidmatan jagaan kesihatan swasta dan tertakluk kepada dikenakan cukai perkhidmatan di bawah butiran 14, 15 dan 16, Kumpulan I pada kadar cukai 6%.

43. **S** : **Hospital swasta ABC juga menyediakan perkhidmatan sewaan mesin atau peralatan kesihatan untuk menjalankan rawatan kesihatan kepada pesakit. Adakah perkhidmatan sewaan mesin atau peralatan kesihatan yang disediakan kepada**

pesakit bukan warganegara tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah Kumpulan K?

- J : Tidak. Perkhidmatan sewaan mesin atau peralatan kesihatan yang disediakan oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta, kemudahan perubatan tradisional dan komplementari swasta dan kemudahan kesihatan bersekutu swasta kepada pesakit berstatus bukan warganegara adalah tertakluk kepada dikenakan cukai perkhidmatan di bawah butiran 14, 15 dan 16, Kumpulan I pada kadar cukai 6%.
44. **S : Kemudahan jagaan kesihatan swasta seperti klinik swasta atau hospital swasta juga menyediakan pakej rawatan kesihatan yang menggabungkan rawatan kesihatan lain seperti rawatan perubatan (butiran 14), terapi (butiran 16) termasuk pemeriksaan kesihatan bersama produk kesihatan lain seperti vaksin, ubat, produk penjagaan muka dan rambut.**

Apakah layanan cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan jagaan kesihatan secara pakej?

- J : Perkhidmatan jagaan kesihatan yang disediakan secara pakej dan menggabungkan perkhidmatan lain seperti perkhidmatan terapi dan produk kesihatan lain adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan ke atas keseluruhan nilai perkhidmatan sama ada kos dijana di dalam inuis secara *lump sum* atau *itemised billing*.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan panduan ini sila berhubung dengan pejabat berikut:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)
Cawangan Dasar Cukai Perkhidmatan
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 6, Tower A, Suasana PjH
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya.

BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT MENGENAI SST

Informasi selanjutnya boleh didapati melalui sumber seperti berikut:

- (a) Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>
- (b) Pusat Panggilan Kastam
 - Tel : 1-300-888-500
 - Fax : 03-8882 2100 / 2300 / 2500
 - Email : ccc@customs.gov.my